

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 24 SEPTEMBER 2012, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 37**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1253-L52680

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian yang telah dikecapi melalui Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dalam memastikan rakyat menikmati kestabilan ekonomi dan ekonomi negara sentiasa berdaya saing dalam ekonomi global.

2. PR-1253-L52913

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar perbelanjaan Kerajaan Persekutuan memandangkan sumber pendapatan tidak berkembang secara signifikan serta peningkatan hutang negara ke paras yang membimbangkan berjumlah RM437 billion dan defisit yang berterusan.

3. PR-1253-L52032

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah tema sambutan hari kebangsaan "Janji Ditepati" diterima rakyat keseluruhannya berbanding dengan tema hari kebangsaan oleh negeri-negeri pembangkang serta sejauh manakah perbezaan tema menggambarkan kurangnya semangat "Kebangsaan".

4. PR-1253-L52360

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kerugian sebenar yang dialami oleh Bank Negara dalam pasaran pertukaran mata wang asing (Forex) dari tahun 1990 hingga 2012. Siapakah yang dikenalpasti bertanggungjawab dan mengapakah tidak ada sebarang tindakan tegas ke atas mereka yang bertanggungjawab.

5. PR-1253-L51627

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

a) pencapaian, kelemahan dalam Program Olimpik London 2012; dan

b) perancangan Kementerian untuk Olimpik akan datang.

6. PR-1253-L51598

**Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) akan membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi pengguna di Lembah Klang.

7. PR-1253-L52516

**Datuk Wira Ir Haji Idris bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keberhasilan tindakan Kementerian memperkenalkan "*konsep omnipresence*" dalam menangani isu jenayah di negara kita dan adakah kehadiran polis di tempat awam itu berjaya mengurangkan kadar jenayah di kawasan awam.

8. PR-1253-L51978

**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah kemajuan dan perkembangan jawatankuasa untuk mengkaji dasar pelajaran kebangsaan serta apakah bidang-bidang utama yang dikaji.

9. PR-1253-L51678

**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan strategik yang diambil untuk memastikan '*gender focal point*' yang telah diwujudkan di beberapa buah jabatan Kerajaan untuk melaksanakan program kesaksamaan gender dengan berkesan.

10. PR-1253-L52742

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan garis panduan perancangan 'gated community' dan 'guarded neighbourhood' yang telah diterima pakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Berapakah permohonan yang telah dibenarkan sejak tahun 2008 mengikut tahun dan nama kawasan dan adakah persetujuan majoriti mudah penduduk sahaja boleh diterima untuk mewujudkan 'guarded neighbourhood'.

11. PR-1253-L51865

**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **PERDANA**

**MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan khususnya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam membanteras kegiatan 'ulat' yang menjual tiket bas secara haram di Hentian Putra pada hari biasa dan semasa perayaan dengan mengenakan tambang yang lebih mahal kepada pengguna.

12. PR-1253-L51379

**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kutipan tol di lebuhraya berbayar semasa musim perayaan yang bermula 12 Ogos sehingga 26 Ogos 2012 yang lalu.

13. PR-1253-L51516

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan dalam jangka masa pendek dan panjang pihak Kementerian dalam mengatasi masalah kekurangan guru ganti bagi menggantikan guru-guru yang melanjutkan pelajaran dan guru-guru yang cuti bersalin.

14. PR-1253-L51857

**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- a) berapakah bilangan rakyat Malaysia yang masih dalam kategori miskin tegar; dan
- b) apakah program yang berkesan bagi membantu kumpulan miskin tegar yang masih produktif.

15. PR-1253-L51603

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan positif yang diperolehi oleh Negara dengan menggunakan perkhidmatan syarikat perundingan FBC Media yang turut membabitkan perundingan dengan seorang pelobi pro Zionisme, Joshua Trevino.

16. PR-1253-L51802

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status NKRA Low Income Household (LIH) yang mensasarkan melahirkan 4,000 orang usahawan wanita berpendapatan RM3,500 sebulan untuk tempoh 3 bulan berturut-turut menjelang akhir tahun ini.

17. PR-1253-L52914

**Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a) sejak dilancarkan 'Langkawi Tourism Blueprint', apakah projek dan program yang dapat dilihat dilakukan di Langkawi; dan

b) adakah pihak Kerajaan memantau segala projek-projek yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

18. PR-1253-L52417

**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah sebab sebenarnya ada pihak yang memulaukan perayaan Hari Kemerdekaan ke-55 baru-baru ini dan apakah perancangan Kerajaan bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

19. PR-1253-L52804

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

a) sila berikan nombor repot polis dan nama balai-balai polis berkaitan laporan-laporan polis yang dibuat terhadap Dr. Aziz Bari berkaitan kenyataan beliau yang mempertikaikan titah DYMM Sultan Selangor dalam isu dakwah gereja DUMC; dan

b) apakah status tindakan terkini terhadap laporan-laporan tersebut.

20. PR-1253-L51404

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menyemak balik perjanjian Petronas dengan Kerajaan Negeri dalam isu royalti. Memandangkan tempoh perjanjian asal hanya 20 tahun bagi minyak mentah dan gas asli. Minyak mentah boleh disambung setakat 4 tahun lagi manakala gas asli 14 tahun sebagaimana yang dinyatakan oleh jawapan Menteri di Dewan Negara pada 7 Januari 1977.

21. PR-1253-L52047

**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan mulai tahun 2007 hingga 2012 di kawasan Gelang Patah khususnya dan di kawasan Iskandar Malaysia amnya.

22. PR-1253-L52142

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan keadaan (insiden) ponteng dan keselamatan sekolah di Malaysia. Apakah dasar dan langkah untuk menyelesaikan dwi masalah ini.

23. PR-1253-L51204

**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan menyatakan usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kerajaan untuk memperkasa industri pertanian di luar bandar supaya penduduk

kampung tidak kehilangan fungsi ekonomi mereka dan kampung kembali menjadi tempat 'cari makan' bagi generasi muda.

24. PR-1253-L53004

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah jumlah pelepasan CO2 yang dihasilkan oleh perusahaan-perusahaan usaha-sama dan kepunyaan orang asing di Malaysia dikira sebagai sebahagian daripada pelepasan CO2 Malaysia. Jika ya, bagaimana Kerajaan dapat mencapai kadar pengurangan pelepasan CO2 ke 40% seperti yang dicadangkan pada 2009.

25. PR-1253-L51492

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kenapa SKMM masih tidak menarik balik spektrum WiMAX yang diperuntukkan kepada Asiaspace Sdn Bhd pada tahun 2007 sedangkan syarikat ini telah 100% gagal dalam menepati semua syarat jadual pelancaran perkhidmatan WiMAX yang ditetapkan melalui terbitan Gazette. Bukankah spektrum gelombang mikro itu khazanah negara.

26. PR-1253-L52620

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah persediaan telah dibuat untuk sistem cukai GST dilaksanakan. Mengapa sistem cukai GST ini belum lagi dilaksanakan.

27. PR-1253-L53002

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah pelepasan CO2 dalam unit tan metrik per kapita dan kg per PPP US\$ of GDP dari 2009 hingga 2011 untuk Malaysia and juga zon-zon industri di:-

a) Kertih, Terengganu; dan

b) Gebeng, Pahang dan Pasir Gudang-Tanjung Langsat, Johor.

28. PR-1253-L51257

**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan kadar penjawatan masyarakat India dalam pentadbiran awam sebagaimana laporan terperinci dalam akhbar Tamil Thinakural baru-baru ini yang menyatakan bahawa kadar penjawatan masyarakat India di kesemua gred dalam pentadbiran awam adalah sangat rendah.

29. PR-1253-L51029

**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan memandangkan Malaysia berjaya memenangi dua pingat di Sukan Olimpik, apakah pelajaran yang diperolehi daripada kejayaan tersebut

serta sama ada pandangan atlet Malaysia akan dititik berat dan disusuli dengan tindakan untuk membolehkan atlet Malaysia meraih lebih pingat di Sukan Olimpik 2016.

30. PR-1253-L52673

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

a) langkah-langkah Kerajaan dalam menangani masalah permainan hiburan keluarga yang berunsur perjudian di daerah Pontian khususnya di Kompleks membeli belah; dan

b) apakah tindakan yang dikenakan kepada pengusaha permainan hiburan keluarga berunsur perjudian tersebut.

31. PR-1253-L52739

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan atlet dalam kontinjen negara ke sukan olimpik/paralimpik 2012 di London, kos masing-masing, berapa ramai dalam kontinjen yang bukan peserta atlet, apa peranan mereka dan berapa kos menanggung mereka dalam kontinjen. Inisiatif-inisiatif Kerajaan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk memastikan lebih banyak pingat dapat dimenangi.

32. PR-1253-L51733

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci nama dan jumlah kos terlibat dalam pembinaan masjid dan rumah beribadat bukan Islam mengikut negeri yang dibina oleh Kerajaan dari 2000 hingga 2012.

33. PR-1253-L52278

**Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berhubung dakwaan bahawa negara bakal berdepan dengan krisis ekonomi sekiranya Kerajaan gagal mengurus kewangan dengan baik.

34. PR-1253-L52338

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengkaji pindaan terhadap Akta Perkeso yang tidak sesuai di waktu ini dan membuat penambahbaikan terhadap akta tersebut.

35. PR-1253-L52792

**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos untuk Kerajaan untuk mengambil alih Eastern Dispensal Link (EDL) di Johor Bahru daripada pemegang konsesi MRCB dan apakah terma-terma perjanjian tersebut

dan berapakah kadar tol yang akan dikenakan.

36. PR-1253-L52567

**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah pusat-pusat Siber Cafe yang begitu banyak beroperasi di kawasan Wangsa Maju dan adakah tindakan pengawalan telah diambil bagi memastikan aktiviti di pusat Siber Cafe tidak menyalahi undang-undang serta memastikan aktiviti judi tidak berlaku dan murid-murid sekolah tidak dibenarkan memasuki pusat-pusat Siber Cafe berkenaan.

37. PR-1253-L51653

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan program yang telah dirancang oleh Kementerian untuk menyambut Hari Wanita Malaysia pada 25 Ogos 2012. Bilakah YB Menteri akan melantik seorang Menteri wanita untuk menyandang jawatan Kementerian ini memandangkan YAB Perdana Menteri kurang mampu memegang begitu banyak jawatan dalam kabinet.

38. PR-1253-L51104

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a) apakah pihak yang mengemukakan cadangan untuk memulihkan status pelabuhan bebas di Pulau Pinang dan tarikh cadangan dikemukakan; dan
- b) apakah tindakan yang diambil untuk memulihkan status pelabuhan bebas dengan memberi butiran status ini.

39. PR-1253-L53018

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada 2 lot tanah rezab untuk sekolah rendah di atas Lot PT1581 (6.39 ekar) Taman Segar, dan PT5404 (2.63 ekar) Taman Cheras Utama di Cheras, Kuala Lumpur akan digunakan untuk membina SJKC untuk menampung permintaan mendesak. Apakah bilangan murid darjah satu Tahun 2013 ditolak di SJKC Naam Kheung, Cheras dan SJKC Taman Connaught 1 di manakah sekolah yang akan mereka ditempatkan dan bilangan murid diserap masuk ke setiap sekolah tersebut.

40. PR-1253-L52965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan membuat pindaan ke atas Akta Keterangan Seksyen 114A yang nyata bercanggah dengan prinsip keadilan dan mengancam kepada semua warga siber serta rakyat Malaysia.

41. PR-1253-L52915

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang kepada Seaport (Johore) Sdn Bhd dan adakah penswastaaan tersebut akan menjejaskan semangat persiangan di antara pelabuhan.

42. PR-1253-L52030

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia dengan sokongan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, untuk meminda Perlembagaan Persekutuan supaya memperuntukkan '*anti-hopping law*'. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

43. PR-1253-L51840

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah sebab Kerajaan memilih tema menyambut Hari Kebangsaan ke 55 pada tahun ini sebagai "Janji Ditepati" berbeza dengan tema 2011 1 Malaysia : Transformasi Berjaya, Rakyat Sejahtera.

44. PR-1253-L52918

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Malaysia menghadapi krisis mata wang Euro dan kemungkinan kemelesetan diakibatkannya dan juga langkah-langkah Kerajaan untuk mengelak spekulasi perumahan dan aset di Malaysia dan Asia.

45. PR-1253-L51559

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-

a) berapakah jumlah kos mengikut kategori termasuk publisiti bagi mengadakan Program Himpunan Janji Ditepati di Stadium Bukit Jalil; dan

b) adakah Kementerian memberi arahan kepada pegawai dan kakitangan agensi Kerajaan supaya diwajibkan untuk menghadiri perhimpunan tersebut.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT  
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN  
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**



1. **Menteri Keuangan**

- \* Rang Undang-undang Perbekalan 2013

2. **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar**

- \* Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2012

3. **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

- \* Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012

4. **Menteri Dalam Negeri**

- \* Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua

peringkat di mesyuarat ini.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

(D.R. 30/2012)	Rang Undang-undang Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012	Bacaan Kali Yang Kedua
	[ Menteri Kesihatan ]	

### 2. PR-1253-U51929

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa seperti pengambilan dadah jenis lain, menghidu gam, menghidu petrol, menghidu tahi lembu, pengambilan daun ketum dan pil-pil khayal yang tidak tersenarai sebagai dadah berbahaya, adalah menghayalkan dan memudaratkan kesihatan para pengguna di atas"Dan mengambil maklum bahawa, pihak Polis dan pihak berkuasa lain tidak dapat menghalang dan mengambil tindakan ke atas pesalah di atas kerana kesalahan tersebut tidak termaktub dalam mana-mana Akta Kesalahan Pengambilan Dadah.Dan mengambil maklum bahawa, kebanyakan mereka yang terlibat adalah dari kalangan mereka yang dibuang sekolah, penganggur dan muda mudi di mana, bagi memenuhi ketagihan mereka, mereka sanggup melakukan jenayah bagi mendapatkan wang. Kegiatan ini juga sering berlaku di kawasan setinggan.Maka dengan ini, Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar satu Akta dapat dapat diwujudkan bagi menangani gejala yang dimaksudkan di atas, secara efektif."

**(Menteri Dalam Negeri)**

### 3. PR-1253-U51933

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kesesakan jalan yang dihadapi oleh pengguna jalan raya Putatan-Papar amatlah serius dan pengguna merungut bahawa kesesakan jalan raya ini menyebabkan kesukaran hidup mereka dari segi masa terbuang dan wang ringgit ke atas kos petrol"Dan mengambil maklum bahawa, kemarahan pengguna ini selalu dilemparkan kepada Wakil-wakil Rakyat Tempatan kerana dikatakan tidak mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini.Dan mengambil maklum bahawa jalan raya 2 lorong terutama sekali Jalan Petagas-Sabindo tidak lagi dapat menampung jumlah kenderaan yang menggunakan laluan tersebut setiap hari.Dan mengambil maklum bahawa, selaku Wakil Rakyat, saya juga telah beberapa kali menyuarakan masalah ini di Dewan ini.Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, untuk menaik taraf jalan yang dimaksudkan ke jalan 3 lorong bagi mengatasi masalah yang disebutkan tadi. "

**(Menteri Kerja Raya)**

4. PR-1253-U51939

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kebanyakan kontraktor yang bernaung di bawah dewan-dewan Perniagaan dan Industri tidak mendapat peluang untuk mengerjakan projek-projek Kerajaan di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa ini menyebabkan para kontraktor yang bernaung di bawah Dewan perniagaan China, India dan Bumiputera lain merungut kerana kekurangan kerja. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyalurkan projek-projek Kerajaan kepada para kontraktor ini melalui dewan-dewan perniagaan mereka, sekali gus menampakkan Kerajaan ini adil, telus dan prihatin."

**(Perdana Menteri)**

5. PR-1253-U51944

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tambang bagi pengangkutan awam di negeri Sabah adalah terlalu tinggi kerana bahan bakar yang digunakan adalah petrol dan diesel. Dan mengambil maklum bahawa kesemua pengguna Perkhidmatan Awam ini adalah dari golongan yang berpendapatan rendah. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan supaya Kerajaan memanjangkan penggunaan kenderaan gas cecair asli (NGV-Natural Gas Vehicle) ke negeri Sabah bagi mengurangkan bebanan rakyat selaras dengan konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri."

**(Perdana Menteri)**

6. PR-1253-U51948

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa keruntuhan moral golongan belia hari ini amat merunsingkan kerana kekurangan penekanan moral dan pendidikan agama mereka di peringkat sekolah, terutama sekali mereka dari kalangan bukan Islam. Dan mengambil maklum bahawa, para ibu bapa murid-murid bukan Islam khuatir bahawa anak-anak mereka tidak diberikan pendedahan moral yang secukupnya termasuklah hal penukaran agama mereka tanpa pengetahuan mereka. Maka, untuk menepis semua masalah, kekeliruan dan

kekhawatiran di atas, Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memberikan masa 2-3 jam seminggu (waktu sekolah) kepada murid-murid bukan Islam untuk mendalami agama mereka masing-masing, penghayatan rukun negara, adat istiadat kaum mereka dan mempelajari bahasa ibunda mereka."

**(Menteri Pelajaran)**

7. PR-1253-U52166

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membahaskan sensitiviti agama dan kaum untuk mencari cara-cara memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat majmuk ini."

**(Perdana Menteri)**

8. PR-1253-U52168

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membincangkan dasar dan langkah untuk meningkatkan standard sukan di Malaysia, termasuk kewangan, akar umbi, persatuan dan latihan terutamanya selepas Olimpik London."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

9. PR-1253-U51271

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dengan seriusnya mencadangkan agar hari Kemerdekaan "Malaysia" tidak disalah tafsir memandangkan perbezaan tahun bagi Semenanjung (Malaya) dengan Sabah dan Sarawak. Contohnya "Kemerdekaan 55 tahun" bukan keseluruhannya benar. Maka untuk diguna sebagai rekod Kerajaan maka Hari Kebangsaan bagi tarikh 31 Ogos dan Hari Malaysia bagi 16 September haruslah diperjelaskan demi untuk memperbetulkan rekod khasnya sejarah Malaysia bagi generasi rakyat yang menjunjung Kedaulatan Negara".

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

10. PR-1253-U51273

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadang dan menetapkan satu penyeragaman harga-harga runcit bagi barang keperluan harian, binaan, pembangunan dan sebagainya demi mengukuhkan rakyat dalam slogan " Satu Malaysia". Tidak ada guna untuk

melaung-laungkan slogan ini dengan adanya rakyat yang jauh ketinggalan taraf kehidupannya disebabkan perbezaan harga-harga. Maka satu pendekatan serius dan utama haruslah diimplementasikan."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)**

11. PR-1253-U51275

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dengan tegasnya menetapkan agar Suruhanjaya Siasatan Diraja yang diumumkan bagi Sabah menjalankan kewajipan dengan penuh bertanggungjawab sebagai rakyat Malaysia yang berdaulat. Peningkatan penduduk Sabah yang sangat mendadak haruslah diambil perhatian utama dimana telah melambung tinggi sebanyak 390% dalam masa 40 tahun dari 1970-2010, khasnya dengan pertumbuhan satu kaum sahaja berbanding dengan kaum etnik yang lain tidak mencerminkan ketamadunan rakyat Sabah. Ordinan Kelahiran dan Kematian Sabah 1953 yang diisytihar sebagai Undang-Undang Persekutuan melalui warta LN 37/65 yang jelas mengutamakan proses lewat pendaftaran kelahiran melalui Mahkamah Sivil."

**(Perdana Menteri)**

12. PR-1253-U51453

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa Perdana Menteri telah pada awal tahun ini mengumumkan akan pembinaan enam (6) Sekolah Tamil yang baru tetapi sehingga kini tiada apa-apa tindakan susulan diambil untuk mengimplementasikan janji yang dibuat oleh Perdana Menteri dan dengan ini memohon Dewan Rakyat Yang Mulia ini mengarahkan Kerajaan menepati janjinya."

**(Menteri Pelajaran)**

13. PR-1253-U52728

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya ditubuhkan Bank Waqaf untuk mencegah harta orang Islam/Bumiputera terjual serta membangunkan harta tersebut secara komersial ."

**(Perdana Menteri)**

14. PR-1253-U52729

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengkaji semula caj insurans kenderaan motorsikal diturunkan tanpa mengenakan loading yang membebankan rakyat. Naikkan bayaran cukai jalan dari RM 2 ke RM 10 sebab kenaikan cukai jalan akan meningkatkan pendapatan kerajaan dan dinikmati oleh rakyat, manakala kenaikan insurans hanya dinikmati oleh syarikat sahaja."

**(Menteri Kewangan)**

15. PR-1253-U52731

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengadakan satu mekanisme untuk menghalang warga bukan negara dari menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)**

16. PR-1253-U52732

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak pengendali Touch & GO untuk mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen stesen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

17. PR-1253-U52734

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak berkuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya supaya mengkaji semula dan menaikkan kadar had laju kenderaan dari 110 Km/jam ke 130 Km/jam (lebuhraya) kerana kenderaan pada masa kini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi."

**(Menteri Kerja Raya)**

18. PR-1253-U52840

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan supaya menamakan "Stadium Badminton Kuala Lumpur" kepada "Akademi Badminton Punch Gunalan" sebagai mengenang jasa dan sumbangan mendiang Datuk Punch Gunalan kepada negara dalam bidang dan pembangunan sukan badminton."

**(Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar)**

19. PR-1253-U52842

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengeluarkan lesen kepada mana-mana pihak yang berkelayakan untuk menubuh dan menjalankan khidmat penerbangan kos rendah sebagai alternatif dan/ atau tambahan kepada syarikat penerbangan AirAsia dengan syarat ia menjadikan terminal KLIA 2 sebagai hub operasi mereka."

**(Menteri Pengangkutan)**

20. PR-1253-U52843

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan supaya menjadikan tarikh 13 Mei setiap tahun sebagai "Hari Mahabbah" sebagai memperingati peristiwa hitam rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 agar rakyat bukan sahaja tidak lupa sejarah hitam tersebut serta dalang-dalang dan punca terjadinya peristiwa tersebut, malahan yang leboh penting untuk menyedarkan rakyat betapa pentingnya toleransi agama dan perkauman diamalkan di negara ini agar rakyat boleh terus hidup dalam suasana aman dan harmoni dan keselamatan negara dan ketenteraman awam terus terpelihara daripada anasir-anasir cauvinis dan perkauman sempit yang cuba diterapkan oleh segelintir rakyat Malaysia."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

21. PR-1253-U52846

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengutuk tindak tanduk sebuah

syarikat yang didaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan nama Suara Inisiatif Sdn. Bhd. tetapi menjalankan kegiatan dan aktiviti seperti sebuah badan bukan kerajaan dengan nama dan gaya "Suara Rakyat Malaysia @ Suaram" yang berterusan menjalankan kegiatan memburuk-burukkan kepimpinan negara khususnya YAB Perdana Menteri dengan putar-belit isu Scorpene dan kaitannya dengan wanita Mongolia bernama Altantuya Shaaribu; dan mendesak pihak berkuasa supaya menyiasat pendedahan bahawa syarikat ini menerima dana bantuan asing untuk kegiatan dan aktiviti."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)**

22. PR-1253-U52849

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengutuk tindakan tiga (3) orang pegawai dan diplomat Suruhanjaya Tinggi Singapura yang terbabit dan/ atau melibatkan diri dan/ atau hadir semasa himpunan haram 28 April 2012 yang dilabel sebagai Himpunan Bersih 3 dan mendesak Kerajaan supaya melucutkan status diplomatik mereka dan/ atau mengisytiharkan mereka sebagai persona-non-grata dan mendesak Kerajaan Singapura supaya memanggil ketiga-tiga pegawai & diplomat tersebut kembali ke Singapura dan selanjutnya menuntut Kerajaan Singapura memohon maaf atas tindakan pegawai dan diplomatnya tersebut dan memberi jaminan ianya tidak akan berulang lagi."

**(Menteri Luar Negeri)**

23. PR-1253-U52854

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan dan diganti dengan perkataan berikut; dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya. Dan proviso kepada Seksyen



2, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas dan hendaklah berbunyi seperti berikut : Mahkamah Syariah tersebut hendaklah mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya.

Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubahsuaian dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan Dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya ini akan boleh membatalkan aqidah umat Islam."

**(Perdana Menteri)**

24. PR-1253-U52858

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara' hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu. Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan dimana hukum syara' dan syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban disekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan kerajaan, pelaksanaan undang-undang syarak seperti khalwat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syara' dan lain-lain."

**(Perdana Menteri)**

25. PR-1253-U52861

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Malaysia

bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan hybrid) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya.

Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan Mahkamah di dalam kes Che Omar Che Soh v. Pendakwaraya dan Jamaluddin Osman v. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputarbelit dan disalahtafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi."

**(Perdana Menteri)**

26. PR-1253-U52863

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya meminda Akta Mahkamah Keadilan 1964 (Courts of Judicature Act 1964) (Akta 91) dengan memasukkan peruntukkan baru di Seksyen 4 seperti berikut: Seksyen 4A: Di dalam keadaan dimana terdapat isu dan/ atau pertikaian membabitkan dan atau melibatkan agama Islam dari segi aqidah, kepercayaan, hukum-hakam, syariat dan/atau apa juga persoalan mengenai Islam, maka Mahkamah wajiblah merujuk isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu kepada Mahkamah Syariah untuk suatu keputusan atau penghakiman; dan semua prosiding hendaklah ditangguhkan sehingga keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah itu dibuat, dan keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah bagi isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu hendaklah mengikat Mahkamah tersebut. Bahawa Dewan menginsafi masalah membabitkan isu, pertikaian atau persoalan mengenai Islam jika diputuskan di Mahkamah sekular berdasarkan undang-undang sivil boleh mencetuskan salah faham dan kekeliruan. Ini berlaku kerana isu dan persoalan membabitkan kefahaman terhadap undang-undang dan syariat Islam dalam konteks syariah dan Islam tidak difahami, dihayati dan diinsafi oleh Mahkamah sekular yang membicara dan memutuskan sesuatu isu tersebut menurut peruntukan undang-undang sivil yang terbatas dan terhad kepada pembicaraan soal perundangan sekular semata-mata, malahan menolak untuk menerima pakai kefahaman syarie dan Islam. Sebenarnya inilah yang telah berlaku di dalam kes Maria Hertogh @ Natrah pada tahun 1950 apabila Mahkamah sivil Singapura yang mengguna pakai undang-undang sivil British menolak untuk menerima pakai undang-undang Islam dan syariatnya dengan menolak aqidah dan keislaman Natrah dan perkahwinan Natrah dengan Almarhum Mansor Adabi yang mana menurut undang-undang Islam dan hukum syara' keislaman dan perkahwinan Natrah adalah sah kerana

beliau sudah aqil baligh mengikut hukum syarak dan merupakan seorang mukallaf dan hukum taklif berlaku kepada beliau.

Begitu juga di dalam beberapa kes dimana Islam melihat sesuatu isu itu dari segi aqidah, tetapi Mahkamah sekular melihatnya dari sudut istilah dan perundangan sivil. Sekiranya peruntukan seperti yang dicadangkan di atas wujud, maka Dewan menginsafi bahawa isu ini akan dapat diselesaikan dengan baik menurut peruntukan undang-undang yang terpakai bagi isu tersebut."

**(Perdana Menteri)**

27. PR-1253-U52866

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak keatasnya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun Mahkamah Persekutuan di dalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan Mahkamah sivil tidak boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa menurut Artikel 121 (1A), namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke Mahkamah sivil dimana dalam kes melibatkan seorang Punjabi Muslim mayatnya terlantar di Hospital Sg. Buloh, Selangor selama sebulan kerana Mahkamah Sivil masih mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fadhu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengkebumian jenazah mana-mana orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukan seumpama diatas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi."

**(Perdana Menteri)**

28. PR-1253-U52868

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya Mahkamah sivil yang diwujudkan menurut Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan menghormati dan tidak mencampuri hak dan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan menurut Artikel 121 (1A) Perlembagaan termasuk hak dan bidang kuasa mutlak

menentukan siapa yang boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai seorang Peguam Syarie.

Ini adalah kerana kalau Mahkamah sivil tersebut mencampuri urusan hak dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam penentuan kemasukan dan pendaftaran peguam syarie, apakah itu bermakna Mahkamah Syariah boleh mencampuri urusan hak dan bidangkuasa Mahkamah sivil untuk penentuan kemasukan dan pendaftaran seseorang peguam sivil di Mahkamah sivil."

**(Perdana Menteri)**

29. PR-1253-U52870

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya undang-undang yang berkaitan dipinda untuk memberi pilihan dan opsyen kepada mana-mana individu beragama Islam yang dikenakan sebarang pertuduhan jenayah untuk memilih forum perbicaraan di Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada dimana-mana Akta atau Enakmen Syariah.

Ini adalah kerana seorang Muslim berhak untuk dibicarakan menurut undang-undang Islam demi menjaga aqidah dan syariat seseorang Muslim itu dan bersesuaian dengan Artikel 3 dan Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan berkenaan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan hak kebebasan menganut dan mengamalkan agama masing-masing."

**(Perdana Menteri)**

30. PR-1253-U52872

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah Tokoh Maal Hijrah 1434 (Peringkat Antarabangsa) ataupun Tokoh Perdana Maulidur Rasul 1434 (Peringkat Antarabangsa) kepada saudara Yusuf Islam @ Cat Steven bagi mengenang jasa saudara Yusuf Islam yang telah memberi sumbangan besar kepada usaha menyebarkan risalah Islam dan kerja-kerja da'wah ke seluruh dunia."

**(Perdana Menteri)**

31. PR-1253-U52873

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran "TUN" secara "post-humous" (dengan izin) kepada Allahyarham Sahibul Fadhilah Sheikh Muhammad Idris Al Marbawi dan Allahyarham Sahibul Fadhilah Sheikh Abdullah Bin Basmeih dan menubuhkan kerusi khas atas nama mereka dimana-mana Universiti atau Institusi Pengajian Tinggi terpilih bagi mengenang jasa mereka yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan pengembangan dakwah dan ilmu Islam melalui karya-karya besar mereka dan lain-lain usaha yang telah mereka lakukan."

**(Perdana Menteri)**

32. PR-1253-U52874

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Tan Sri secara "post-humous" (dengan izin) kepada Allahyarham Sasterawan Negara Usman Awang bagi mengenang jasa beliau yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan bahasa Melayu melalui karya-karya besarnya dan lain-lain usaha yang telah Allahyarham lakukan."

**(Perdana Menteri)**

33. PR-1253-U52876

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri, YAB Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri supaya melakukan semakan semula senarai penerima anugerah kebesaran persekutuan atau negeri dengan tujuan untuk dilakukan pembersihan termasuk menarik balik dan/ atau membatalkan anugerah dan gelaran yang diberi kepada mereka yang telah dan/ atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah dan yang didaftarkan di Pusat Pendaftaran Penjenayah (Criminal Registration Center)."

**(Perdana Menteri)**

34. PR-1253-U52877

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya satu kajian dibuat dengan tujuan menggubal undang-undang yang bersesuaian untuk memansuhkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil bagi kerusi yang kosong atau dikosongkan oleh mana-mana wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri termasuk kemungkinan memberikan kerusi yang kosong atau dikosongkan itu kepada parti yang telah memenanginya semasa pilihanraya umum untuk menentukan calon yang mengganti dan/ atau mengisi kekosongan tersebut. Ini sekaligus dapat mengelakkan keperluan mengadakan pilihanraya kecil yang melibatkan kos yang tinggi dan menyebabkan masyarakat Malaysia terlibat dengan kegiatan politik tanpa kesudahan."

**(Perdana Menteri)**

35. PR-1253-U52878

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya menubuhkan sebuah badan dikenali sebagai Majlis Ulama Negara dan melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-Mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja.

Selanjutnya Dewan ini megambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa dan bidangkuasa jelas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menguatkuasa dan melaksanakan fatwa-fatwa yang dikeluarkannya dan mana-mana orang yang mempersoalkan dan/ atau mempertikaikan Fatwa-fatwa tersebut hendaklah dianggap melakukan penghinaan terhadap agama Islam dan diambil tindakan tegas menurut Seksyen 298A Kanun Keseksan atau di bawah mana-mana undang-undang (Persekutuan atau Negeri)."

**(Perdana Menteri)**

36. PR-1253-U52879

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut persempadanan sebelum tahun 1967 dan menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai

“Jawatankuasa Caucus bagi Palestin” dengan melantik YB Kepala Batas (atau mana-mana Ahli Parlimen yang dipertimbangkan sesuai) sebagai Pengerusi Caucus tersebut dan selanjutnya Dewan ini mendesak Kerajaan Mesir supaya membuka semula pintu Rafah dan memberi kebebasan keluar/ masuk kepada rakyat Palestin dan tidak menghalang sebarang usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh mana-mana pihak; dan juga juga mendesak rejim zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf Negara Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmaqdis sebagai ibu negeri Negara Palestin.”

**(Perdana Menteri)**

37. PR-1253-U52881

**Dato’ Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet dengan segera khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah bersepadu dan berkesan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dan penganut agama Hindu dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan hal masalah peribadatan mereka termasuk penyelenggaraan dan pengurusan kuil-kuil mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Hal Ehwal Masyarakat India dengan melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas tersebut."

**(Perdana Menteri)**

38. PR-1253-U52882

**Dato’ Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta menubuhkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukkan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang munasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara. Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah dimaktubkan segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut."

**(Menteri Pelajaran)**

39. PR-1253-U52883

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima dikesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan. Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

40. PR-1253-U52884

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman kepada penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta."

**(Menteri Dalam Negeri)**

41. PR-1253-U52886

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam pilihan untuk memakai pakaian / pakaian seragam yang mematuhi hukum syarak termasuk untuk memakai tudung dan pakaian menutup aurat dan boleh memilih untuk tidak menyediakan dan atau menghidangkan arak semasa dalam penerbangan."

**(Menteri Pengangkutan)**



42. PR-1253-U52887

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa didalam penerbangan."

**(Menteri Pengangkutan)**

43. PR-1253-U52889

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan hanya membenarkan penjualan arak, minuman keras dan yang memabukkan dalam apa bentuk sekalipun hanya dipremis-premis khas yang dilesenkan dan hanya khusus untuk masyarakat bukan Islam sahaja; sebagaimana premis khas untuk penjualan nombor ekor, tempat perjudian dan daging khinzir dan lain-lain; dan tidak melesenkan kedai-kedai runcit atau serbaneka daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan dipremisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi dimana remaja dan belia beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman beralkohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak berakhlak dan bermoral, yang akhirnya membawa kepada timbulnya gejala sosial yang serius seperti kegiatan merempit yang melampau, perzinaan, perogolan dan kesalahan seksual dan kes pembuangan bayi."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)**

44. PR-1253-U52891

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Perdana Menteri supaya dengan segera mengujudkan Kementerian Hal Ehwal Sabah & Sarawak (atau singkatannya "KHASS") dengan seorang Menteri berjawatan penuh untuk menjaga hal ehwal pembangunan, infrastruktur, kebajikan dan kepentingan rakyat Sabah & Sarawak termasuk memberi portfolio berkaitan Koridor Ekonomi Sabah/ Sarawak, dan kesemua agensi pembangunan Persekutuan mestilah melalui Kementerian ini supaya segala projek pembangunan & infrastruktur di Sabah dan Sarawak dapat diselaraskan dan dikawal selia serta dipantau dengan lebih berkesan."

**(Perdana Menteri)**

45. PR-1253-U52893

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaikpulih Masjid Jame' Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini."

**(Perdana Menteri)**

46. PR-1253-U52896

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandikan dan membela anjing dan tinggal dipersekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan/ atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim."

**(Menteri Dalam Negeri)**

47. PR-1253-U52898

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membenarkan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun;  
Selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 Peraturan KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai benefisiari kerana banyak kes dimana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syara' dan hukum faraid; atau sebagai

alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman simati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan didalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa tersebut."

**(Menteri Kewangan)**

48. PR-1253-U52900

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mewujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu-bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang ke peringkat mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu-bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki;Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam syllabus latihan kepada pelatih-latih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajjud, dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid dengan selalu mengadakan program qiamullail dimana-mana masjid berhampiran kem PLKN, yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkukuh dan memperkuatkan aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN."

**(Menteri Pertahanan)**

49. PR-1253-U52906

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji kepada keperluan mewujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa memandangkan tiadanya pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita persaksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Syukarno. Dewan mengambil perhatian bahawa perlaksanaan

hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di Mahkamah Sivil."

**(Menteri Dalam Negeri)**

50. PR-1253-U52419

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan untuk memohon kepada pihak International Olympic Committee (IOC) untuk menjadikan acara Sukan Skuasy sebagai salah satu acara yang dipertandingkan di Sukan Olimpik yang akan datang di Rio De Janeiro, Brazil pada tahun 2016 memandangkan Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David adalah jaguh handalan dunia bagi acara tersebut."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

51. PR-1253-U52423

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan supaya pihak Kerajaan membuat pindaan yang sewajarnya kepada undang-undang jenayah yang tertentu dengan memansuhkan hukuman mati."

**(Menteri Dalam Negeri)**

52. PR-1253-U52429

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan yang akan diambil untuk memantau status kualiti udara di seluruh negara yang tidak sihat dan isu jerebu di negara ini."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

53. PR-1253-U52435

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan supaya semua aset-aset yang dimiliki oleh pihak Kerajaan dapat didedahkan kepada pengetahuan orang ramai."

**(Perdana Menteri)**

54. PR-1253-U52452

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan apakah program jangka panjang yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membangunkan dan meningkatkan tahap aktiviti dan penyertaan sukan dalam kalangan masyarakat, Latihan kepada atlet, jurulatih dan pegawai sukan untuk pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa supaya lebih banyak pingat diperolehi dalam pertandingan sukan antarabangsa seperti Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan SEA dan Sukan Olimpik."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

55. PR-1253-U52457

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengawal kualiti barang-barang yang terlalu banyak di bawa masuk ke negara ini daripada negara China terutamanya barang-barang makanan dan barang-barang elektronik yang pelbagai jenamanya."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)**

56. PR-1253-U52461

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan mengenai langkah-langkah yang lebih berkesan dapat diambil untuk memupuk perpaduan di antara kaum-kaum di negara ini supaya isu-isu perkauman dapat dihindari bagi mengekalkan keharmonian dan kedamaian kerana negara yang aman dan damai dapat menjamin kebahagiaan dan keselamatan rakyatnya."

**(Perdana Menteri)**

57. PR-1253-U52470

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan membincangkan mengenai kesan sosial kepada masyarakat setempat kerana sejak kebelakangan ini masyarakat setempat kecewa dan marah kepada segelintir pelajar antarabangsa di sini yang dikatakan terbabit dalam kegiatan jenayah dan ada yang bersikap tidak menghormati budaya tempatan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

58. PR-1253-U52476

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk membincangkan supaya cukai taksiran yang dibayar kepada Majlis Perbandaran Tempatan dapat dikurangkan sebanyak 50% dan perlu dibayar hanya sekali setahun (untuk 12 bulan) untuk mengurangkan bebanan rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

59. PR-1253-U52483

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan supaya Lebuhraya Utara Selatan dapat ditambah laluan untuk mengelakkan kesesakan jalan raya pada hujung minggu dan semasa musim perayaan. Kualiti dan keadaan jalan juga perlu ditingkatkan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya."

**(Menteri Kerja Raya)**

60. PR-1253-U52485

**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk membahaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian untuk mengawal warga asing yang memiliki perniagaan-perniagaan kecil di bandar-bandar besar yang menyebabkan kesukaran bagi peniaga-peniaga tempatan berniaga dan menyebabkan mereka gulung tikar."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)**

61. PR-1253-U52942

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat untuk

meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

**(Menteri Pertahanan)**

62. PR-1253-U52506

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

63. PR-1253-U52514

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

**(Perdana Menteri)**

64. PR-1253-U52520

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai pelantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

**(Perdana Menteri)**

### **RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN RAKYAT)**

TAHUN	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
2012		
ST.53	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2011	24 September 2012
ST.55	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2011	24 September 2012
CMD.11	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 2011	24 September 2012